

PRU15: Jika parti setuju, PM akan bubar Parlimen

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau tidak akan menunggu walau satu saat untuk memulakan langkah membubarkan Parlimen jika dipersetujui parti.

Bagaimanapun, menurut Naib Presiden UMNO itu, perkara tersebut perlu dibincangkan terlebih dahulu dengan kepimpinan tertinggi parti.

“Kalau dipersetujui, beri saya bersama dengan Presiden, Timbalan, Naib-naib atau *top five* untuk bincangkan perkara ini, boleh

“Jika kita yakin dengan kemenangan, kita takkan tunggu satu saat pun untuk bubarkan Parlimen untuk PRU ke-15,” kata Ismail Sabri ketika berucap dalam pergelungan Perhimpunan Agung UMNO 2021 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini semalam.

Selepas Ismail Sabri mengakhiri ucapan tersebut, beliau mendapat tepukan gemuruh dan tangannya dijulung oleh Presiden UUMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Terdahulu, Ismail Sabri berkata, cadangan perwakilan UMNO terhadap pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada PRU15 akan dibincangkan kepada Majlis Tertinggi dan Kabinet sebelum dipersembahkan



ISMAIL Sabri Yaakob dan Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama barisan kepimpinan tertinggi UMNO pada Persidangan Agung UMNO 2021 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam. - MINGGUAN/AMIR KHALID

kepada Yang di-Pertuan Agong.

Perdana Menteri berkata, beliau memberi jaminan bahawa keputusan besar itu akan dibincangkan dengan *Top Five* parti.

Menurut beliau, dua kemenangan besar dalam Pilihan Negeri (PRN) membuat UMNO dan Barisan Nasional (BN) menjadi lebih bersemangat untuk berjuang sehingga timbul permintaan supaya Parlimen dibubarkan segera.

“Saya mendengar cadangan pembahas-pembahas mengenai pembubaran Parlimen,” kata beliau.

Terdahulu, Ismail Sabri mengucapkan tahniah kepada

BN Melaka dan Johor kerana berjaya memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) dengan bergaya

“Terima kasih kepada seluruh jentera parti dari seluruh pelosok tanah air yang berkorban tanpa mengira masa, tenaga dan wang ringgit untuk perjuangan ini,” katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri menghargai kepimpinan UMNO termasuk Presiden, Dr Ahmad Zahid yang sebulat suara mencalonkannya sebagai Perdana Menteri dan disokong oleh kepimpinan UMNO Negeri, Bahagian dan Cawangan.

Katanya, beliau tidak

mungkin berada di atas pentas ini sebagai Naib Presiden dan Perdana Menteri tanpa berkat doa serta sokongan penuh ahli-ahli UMNO.

“Benar seperti yang diucapkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Kerajaan dan Parti harus seiring jalan.

“Dokongan dan sokongan pucuk pimpinan parti kepada Jemaah Menteri UMNO akan kami buktikan bahawasanya UMNOlah satu-satunya parti yang terbukti menjaga kepentingan agama bangsa dan tanah air serta kebajikan Keluarga Malaysia,” katanya.